

**10 Julai 2009 (Jumaat)**

**'Mandat BNM kini lebih jelas'**



Dr. Zeti Akhtar Aziz (kiri) mengiringi Raja Nazrin Shah untuk mengikuti syarahan umum oleh Prof. Dr. Takatoshi Ito, penyandang Kursi Tun Ismail Mohamed Ali di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 10 Julai - Bank Negara Malaysia (BNM) kini mendapat mandat lebih jelas dengan kelulusan yang diberikan kepada Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (BNM) 2009 di Dewan Negara semalam. Gabenor, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz berkata, rang undang-undang itu menangani pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh BNM dalam abad ke-21 ini. "Kuasa dan autonomi yang kini dimilikinya mencukupi untuk mencapai mandat tersebut, sekali gus menyediakan integriti dan kredibiliti terhadap keputusan yang dibuat oleh BNM," kata beliau ketika menyampaikan ucapan pembukaan pada majlis Syarahan Awam tentang krisis ekonomi oleh Profesor Dr. Takatoshi Ito di sini hari ini.

Menurut Dr. Zeti, dengan adanya rang undang-undang untuk mengawasi bank, ia memberikan tahap ketelusan yang tertinggi kepada kerajaan, undang-undang, pasaran dan orang ramai. Lebih penting lagi, rang undang-undang itu juga akan memberi perhatian kepada isu-isu kestabilan kewangan yang dihadapi dalam krisis kewangan antarabangsa sekarang. Ketika berucap, beliau berkata, meskipun krisis semasa tidak memberi impak ketara kepada sektor kewangan tetapi ia memberi kesan kepada sektor sebenar sehingga mengakibatkan perdagangan dunia merosot.

Jelasnya, krisis ekonomi yang bermula pada awal 2007 telah memberi kesan penuh kepada ekonomi negara pada pertengahan pertama tahun ini. Katanya, sejarah telah menunjukkan berlakunya lebih 100 krisis perbankan dalam tempoh dua dekad, biarpun faktor pencetus berbeza tetapi kebanyakannya melibatkan gangguan kepada proses perantaraan, kejatuhan mendadak harga aset dan hilangnya keyakinan awam. "Malaysia juga mempunyai pengalaman tersendiri dalam mengurus krisis kewangan pada 1997/98 mendapat reaksi segera dan bersepada pada peringkat awal bukan hanya membawa kepada pemulihan awal tetapi juga mengurangkan kos kepada krisis sistem kewangan dan ekonomi," katanya.

Dr. Zeti berkata, usaha BNM untuk mengekalkan kestabilan tidak terhenti di situ sahaja selepas krisis berakhir tetapi sebaliknya turut meletakkan pemulihan ekonomi berada pada kedudukan yang kukuh. "Pengajaran yang utama di sini adalah keupayaan (mencatat pemulihan awal) merupakan hasil daripada mengadakan asas yang kukuh pada masa ekonomi yang baik," tambah beliau.

Berikutan itu, katanya, Malaysia mampu mengharungi krisis ekonomi global kerana mempunyai landasan yang kukuh sejak beberapa tahun lalu untuk memastikan sistem kewangan berada dalam keadaan terbaik untuk menghadapi cabaran mendatang.

## **11 Julai 2009(Sabtu)**

### **Berjayah Sipadan?**

**ketika hanya mengharap tanpa sokongan padu**



Adakah Pulau Sipadan yang kaya dengan biodiversiti alam marin bakal tersenarai sebagai Tujuh Keajaiban Dunia Alam Semula Jadi baru tahun ini? - Gambar ihsan [www.divetenggara.com](http://www.divetenggara.com)

KETIKA berita ini ditulis, Pulau Sipadan yang terletak di Sabah berjaya menempatkan diri dalam 77 lokasi Tujuh Keajaiban Dunia Alam Semula Jadi baru yang bakal bersaing untuk berada dalam kelompok 28 lokasi terbaik. Pemilihan 28 lokasi itu pula akan dilakukan oleh panel pakar dan akan diumumkan pada 21 Julai ini. Menariknya, Pulau Sipadan berjaya berada dalam 77 lokasi Tujuh Keajaiban Dunia baru itu selepas dipilih melalui undian dalam talian di laman web [www.new7wonders.com/nature/en](http://www.new7wonders.com/nature/en) daripada 440 penyertaan daripada seluruh dunia. Namun bagi Bidai yang kurang menariknya ialah Pulau Sipadan tidak mendapat sokongan padu di kalangan rakyat negara ini kerana jika ia terjadi, pastinya Sipadan akan berada pada kedudukan nombor satu pada kategori pulau Tujuh Keajaiban Dunia Alam Semula Jadi tempoh hari.

Bagi yang memantau laman web itu sebelum ini, Pulau Sipadan berada pada kedudukan kelima terbaik daripada 30 pencalonan di belakang Pulau Galapagos, Ecuador; Pulau Cocos, Costa Rica; Pulau Ometepe, Nicargua dan kepulauan Fernando de Noronha, Brazil. Namun selepas pencalonan ditutup Selasa lalu, Pulau Sipadan berjaya menduduki tangga keempat.

Mungkin juga disebabkan oleh promosi yang diadakan di Ekspo Selam Skuba Antarabangsa (MIDE) 2009 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Jumaat hingga Ahad lepas. Jumlah orang yang mengundi ketika itu pastinya meningkat disebabkan promosi dan kena pada sasaran yang hadir melihat ekspo berkenaan.

Jadi ini ia sebenarnya memerlukan komitmen individu jika mereka ingin melihat Pulau Sipadan menjadi antara Tujuh Keajaiban Dunia Alam Semula Jadi yang baru. Apa pun, untuk menjadi antara tujuh perkara ajaib di dunia itu memerlukan komitmen daripada banyak pihak dan bukan hanya sokongan jari individu menekan butang *enter* di papan kekunci komputer sahaja. Jika dahulu, Sipadan dijulang namanya oleh hanya satu ungkapan oleh legenda selam skuba dunia, Jacques-Yves Cousteau walaupun ketika itu ada pengusaha tempatan sudahpun menjalankan aktiviti di pulau berkenaan.

Ungkapan "I have seen other places like Sipadan... 45 years ago. Now we have found again an untouched piece of art." (Saya pernah melihat tempat begini sama cantik seperti Sipadan... tapi itu 45 tahun lalu. Akhirnya kita menjumpai keindahan alam semula jadi yang tidak terusik) menjadikan Sipadan menjadi antara 10 pulau paling banyak dikunjungi oleh pelancong luar dan ia semakin menjadi terkenal selepas kejadian pemberontak Abu Sayyaf menculik pelancong dan pekerja di pulau itu pada tahun 2000. Selain itu Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang membuat keputusan pada tahun 2002 bagi memberi kedaulatan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Malaysia turut menjulang nama pulau yang berada di tengah-tengah laut Celebes itu. Namun bagi Bidai, untuk menjadi terkenal kini, ia memerlukan sokongan banyak pihak dan bukan hanya menunggu pelbagai kejadian menarik atau pelik berlaku lagi.

Sokongan individu, kerajaan pusat, kerajaan negeri dan juga pihak swasta mampu merealisasikan hasrat melihat ia sekali lagi berada di peta kemasyhuran dunia. Tapi, jika ini dapat direalisasikan, Bidai percaya, Sipadan akan terus menjadi tumpuan berbanding pulau yang lain ekoran kedudukan geografi dan keharmonian penduduk selain nilai mata wang yang stabil di negara ini. Jadi, Sipadan akan bertambah padat dan ini memerlukan langkah berjaga-jaga yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Jangan disebabkan mahu mengaut untung, banyak perkara diketepikan termasuklah keinginan penyelam skuba tempatan untuk menyelam di laman sendiri dimusnahkan.

Fikirkanlah...

## **13 Julai 2009 (Isnin)**

### **KPI menteri diumum Jun 2010**

Oleh HELMI MOHD. FOAD pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 13 Julai - Penilaian tahap pertama terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Nasional dan KPI Menteri-Menteri Kabinet akan diumumkan pada Jun tahun depan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, ia dilakukan setelah melalui proses enam bulan selepas pelan tindakan KPI Nasional dan menteri diumumkan pada Januari 2010. "Ini cukup mencabar bagi menunjukkan sejauh mana tahap penyampaian untuk selesaikan masalah-masalah utama rakyat bagi membolehkan kita mara ke depan dalam mencapai perpaduan negara. "Di samping itu, kita perlu menentukan daya saing ekonomi dan menjamin pertumbuhan sosioekonomi yang seimbang dan berterusan," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau menjelaskan mengenai KPI Nasional dan KPI Menteri-menteri sebagai pencapaian terhadap enam Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Nasional yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 11 Julai lalu. Sempena 100 hari pentadbirannya Sabtu lalu, Najib mengumumkan enam KRA Nasional untuk mencapai matlamat KPI dengan lebih berkesan. Keenam-enam bidang itu ialah mencegah jenayah, memerangi rasuah, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan serta meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Selain itu, ia juga meliputi memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman serta menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana.

Menurut Tsu Koon, pelan tindakan bagi KPA Nasional akan diumumkan satu persatu oleh Perdana Menteri dan menteri-menteri terbabit mulai September ini. Jelas beliau, untuk itu satu pelan sistem penyampaian yang konkrit bagi KRA tersebut akan dirumuskan dalam Bengkel Kabinet keempat pada penghujung Ogos ini. "Pada hujung bulan ini, Perdana Menteri akan umumkan sekurang-kurangnya satu KPI bagi KRA Nasional tersebut. "Ini sebagai sasaran untuk sama-sama mencapainya dalam tempoh tertentu seperti antara satu hingga dua tahun seperti meningkatkan keberkesanan pengangkutan awam di kawasan bandar," katanya.

Tsu Koon berkata, dari November hingga Disember ini, Perdana Menteri akan berbincang dan membuat penilaian dengan setiap menteri mengenai KRA dan KPI di kementerian masing-masing. "Bagi KRA tertentu, ada yang dapat dicapai dalam jangka masa pendek seperti meningkatkan bekalan air dan elektrik bagi penduduk luar bandar. "Bagaimanapun selepas enam aspek yang ditentukan dalam KRA itu tercapai, kita akan tumpukan kepada isu-isu lain yang dibangkitkan oleh rakyat," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap orang ramai dapat memberikan pandangan dan maklum balas terhadap KRA tersebut. "Ini boleh dilakukan melalui media massa, tinjauan ramai secara dalam talian, maklum balas secara terus kepada jabatan dan agensi terbabit atau melalui penilaian di kaunter," katanya.

**13 Julai 2009 (Isnin)**

**Sembilan projek diperlukan**

Oleh BAZLI ABDUL RAHMAN [utusanperlis@utusan.com.my](mailto:utusanperlis@utusan.com.my)



**Jeti LKIM Kuala Perlis bakal menjadi pelabuhan ikan terbesar negara apabila projek naik taraf dilaksanakan. - UTUSAN/Faizal Abu Hassan**

KANGAR 13 Julai - Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Perlis merupakan pelantar pendaratan ikan kedua terbesar negara selepas di Kuantan, Pahang. Salah satu daripada faktor kompleks itu mencapai status tersebut ialah kerana sebahagian daripada bot laut dalam Thailand turut mendaratkan hasil tangkapannya di situ. Berasaskan fakta berkenaan, secara tidak langsung ia memaklumkan kepada semua bahawa Kompleks LKIM Kuala Perlis telah memberikan sumbangan yang cukup besar buat pembangunan ekonomi Malaysia sendiri. Namun demikian, status kompleks tersebut sekarang tidak sesuai untuk dipadankan dengan taraf semasanya. Sehubungan itu, LKIM telah mengemukakan cadangan serba lengkap kepada kerajaan negeri bagi menaik taraf pelantar Kompleks LKIM Kuala Perlis agar sepadan dengan statusnya sebagai pelantar pendaratan ikan kedua terbesar Malaysia.

Pengarah LKIM negeri, N. Hashim Ab. Rahman memberitahu, pihaknya telah mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) untuk mendapatkan peruntukan RM157 juta bagi menaik taraf kompleks tersebut. Katanya, cadangan projek LKIM itu dikemukakan di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) negeri Perlis sendiri. Menurut beliau, kompleks lama yang dibina sejak 13 tahun lalu itu sekarang digunakan oleh kira-kira 500 bot nelayan setahun.

"Kompleks LKIM yang dibina sejak 1996 ini berkemampuan mendaratkan 20,000 tan ikan atau hasil laut setahun. Namun begitu, sekarang penggunaannya melebihi kemampuan sebenar apabila nelayan mendaratkan kira-kira 25,000 tan ikan setiap 12 bulan. "Bagi memenuhi tuntutan semasa, kami memohon RM157 juta daripada kerajaan Perlis. Permohonan berkenaan telah dimajukan kepada PKENPs," ujarnya kepada *Utusan Malaysia* di sini. N. Hashim juga menyatakan, dalam permohonan berkenaan pihaknya menyertakan kertas projek bagi menunjukkan perlunya RM157 juta itu untuk projek berkenaan. "Dalam kertas tersebut, LKIM menamakan sembilan projek pembangunan besar yang diperlukan buat Kompleks KLIM Kuala Perlis. Setiap projek berkenaan pula disertakan dengan kosnya sekali," ujarnya.

Sembilan projek menaik taraf yang dimaksudkan oleh Pengarah LKIM Perlis itu, termasuk kemudahan yang menepati kehendak Kesatuan Eropah (EU). Projek-projek itu adalah seperti berikut;

1. Menaik taraf Kompleks LKIM Kuala Perlis kepada Pelabuhan Perikanan Antarabangsa (PPA) berharga RM70 juta yang meliputi;

- I Pembinaan jeti tambahan bertaraf EU (RM30 juta).
  - I Melebarkan dewan pemetian ikan berbungung (RM10 juta).
  - I Dermaga bekalan minyak, air batu dan air bersih (RM10 juta).
  - I Dermaga pelbagai guna bersebelahan Kompleks LKIM Kuala Perlis (RM10 juta).
  - I Kilang air batu bertaraf EU berkapasiti 100 tan (RM5 juta).
  - I Pembinaan Kilang Surimi iaitu pusat pengeluar isi ikan untuk industri kecil dan sederhana (IKS) di Perlis (RM5 juta).
2. Projek sistem pengurusan pelabuhan perikanan LKIM Kuala Perlis secara bersepodu dengan penggunaan informasi teknologi maklumat (ICT). Ia adalah kompleks perikanan bertaraf dunia yang sistematik (RM5 juta).
  3. Pembesaran tapak unjam di perairan Perlis bagi menambah sumber bekalan ikan, mengelak pencerobohan pukat tunda dan meningkatkan tangkapan nelayan pantai (RM10 juta).
  4. Pembinaan Kompleks Pendaratan Ikan Baru di Kuala Sungai Baru. Ia bertujuan menampung kekurangan kemudahan mendarat ikan di Perlis yang mana sekarang pendaratan hanya tertumpu ke Kompleks LKIM Kuala Perlis (RM10 juta).
  5. Pusat Komuniti dan Teknologi Nelayan Perlis (Pularis). Antara manfaatnya ialah memberi faedah kepada 30,000 komuniti di Perlis, meningkatkan pengetahuan ICT buat komuniti nelayan dan meningkatkan pendapatan Persatuan Nelayan melalui sewaan bangunan (RM5 juta).
  6. Pembinaan kilang makanan haiwan untuk menampung kekurangan bekalan makanan haiwan serta memberi nilai tambahan kepada ikan bergred rendah (RM5 juta).
  7. Pembinaan lima unit lot IKS di Kuala Perlis bagi menggiatkan pembangunan industri hiliran yang berasaskan perikanan di Perlis (RM12 juta).
  8. Program penempatan semula perkampungan Nelayan Kuala Perlis. Mewujudkan sebuah perkampungan nelayan yang moden dan tersusun. Ia sesuai dijadikan tarikan pelancongan Perlis (RM30 juta).
  9. Ternakan ikan dalam bangunan tertutup (ikan baramundy). Projek sampingan kepada nelayan miskin (RM10 juta).

**13 Julai 2009 (Isnin)**

## **Nelayan mahu PPA disegerakan**

KANGAR 13 Julai - Kerajaan perlu menjadikan Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Perlis sebagai Pelabuhan Perikanan Antarabangsa (PPA) secepat mungkin demi kepentingan ekonomi negara. Pengurus Besar Persatuan Nelayan Negeri Perlis (PNNP), Yusri Mat Isa berkata, gerak kerja berkenaan mesti disegerakan terutama untuk membantu nelayan yang tergolong dalam kumpulan masyarakat berpendapatan rendah. Katanya, kira-kira 5,000 nelayan seluruh Perlis kini tertunggu-tunggu projek tersebut dan mereka pula tidak mengetahui perkembangan semasa yang sedang dilakukan oleh kerajaan.

"Para nelayan telah menggunakan kompleks ini sejak 13 tahun lalu dan ia sudah wajar dinaikkan taraf sebagai PPA. Lagi pun Kompleks LKIM Kuala Perlis sudah menjadi pusat pendaratan ikan kedua terbesar negara selepas di Kuantan, Pahang. "Kami difahamkan, LKIM sudah mengemukakan permohonan kepada kerajaan Perlis untuk menaik taraf kompleks tersebut," ujarnya kepada ditemui di sini.

Yusri menyatakan, antara cadangan projek menaik taraf Kompleks LKIM Kuala Perlis itu ialah pembesaran tapak unjam di perairan negeri bagi menambah sumber bekalan ikan. "Projek berkenaan bukan sahaja dapat mengelakkan pencerobohan pukat tunda tetapi boleh meningkatkan tangkapan atau pendapatan nelayan pantai," ujarnya. Pengurus Besar PNNP itu percaya, kerajaan Perlis dapat bertindak segera untuk meluluskan peruntukan yang diminta oleh LKIM dengan matlamat membantu menambah pendapatan nelayan terutama ketika kumpulan sasar berdepan kemelesetan ekonomi dunia sekarang.

**13 Julai 2009 (Isnin)**

## **Diceroboh sejak 20 tahun**

Oleh M. SHAHRINNAHAR ABD. LATIB [utusanpahang@utusan.com.my](mailto:utusanpahang@utusan.com.my)

KUANTAN 13 Julai - Kira-kira 120 hektar tanah di kawasan Kampung Bukit Lada yang merupakan milik kerajaan negeri telah diceroboh oleh beberapa peneroka Felda sejak 20 tahun lalu. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Hal Ehwal Felda negeri, Datuk Tan Mohd. Aminuddin Ishak ketika mendedahkan perkara itu berkata, tanah itu merupakan sebahagian daripada 200 hektar tanah yang akan digunakan oleh kerajaan negeri untuk membina program Rancangan Tanah Kelompok (RTK).

Menurutnya, perkara tersebut amat mengecewakan kerana tanah tersebut hendak digunakan untuk membantu rakyat miskin di dalam negeri Pahang. "Saya berasa amat

kecewa dengan tindakan peneroka tersebut kerana tanah ini hendak digunakan bagi mengurangkan golongan miskin di dalam negeri," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian Agihan Dividen Peserta-Peserta FELCRA Wilayah Pahang di sini hari ini. Tambah beliau, peneroka tersebut telah menceroboh kawasan sejak dahulu lagi dan sudah dua kali menanam tanaman kelapa sawit. "Kerajaan negeri mengesan kira-kira 10 orang peneroka yang terbabit dalam menceroboh kawasan ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya telah menjalankan pelbagai kaedah untuk menghalau mereka termasuklah meminta bantuan pihak pejabat tanah namun semuanya tidak berhasil. "Mereka tetap berdegil dan tidak mengendahkan perkara itu. Pernah sekali kami pergi kawasan tersebut, namun mereka pula menghalau dengan menggunakan parang.". Katanya, penceroboh ini mempunyai tanah sendiri namun kerana tamak dan mahukan tanah, mereka sanggup meneroka tanah tersebut. "Saya tidak tahu berapa lama perkara ini akan berlanjutan. Saya harap pihak peneroka yang menceroboh kawasan terbabit supaya meninggalkan kawasan tersebut bagi membolehkan kerajaan negeri membina kawasan program Rancangan Tanah Kelompok (RTK)," katanya.

## **14 Julai 2009 (Selasa)**

### **Siasatan kes bumbung runtuh siap 90 peratus**

KUALA TERENGGANU 14 Julai - Siasatan kejadian bumbung Stadium Sultan Mizan di Gong Badak runtuh pada 2 Jun lalu kini 90 peratus siap. Pengarah (Bahagian Perisikan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mohd. Jamidan Abdullah berkata, laporan siasatan itu dijangka diketahui dalam tempoh terdekat. Beliau memberitahu, siasatan itu dibuat secara menyeluruh dan beberapa saksi termasuk kontraktor projek berkenaan serta individu tertentu telah dipanggil bagi membantu siasatan.

Mohd. Jamidan bagaimanapun tidak menjelaskan jumlah mereka yang dipanggil untuk siasatan serta siapa individu terbabit. "Kita lakukan siasatan secara menyeluruh membabitkan semua pihak," katanya selepas menyempurnakan majlis penutupan Seminar Integriti Dalam Pengurusan Alam Sekitar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Peringkat Zon Timur 2009 di sini hari ini. Beliau ditanya hasil siasatan SPM berhubung kejadian sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan di Kompleks Sukan Negeri di Gong Badak yang runtuh kira-kira pukul 9.30 pagi pada 2 Jun lalu.

Runtuhan melibatkan bumbung di bahagian timur stadium bernilai RM292 juta itu yang menempatkan pintu masuk utama, pintu A, B dan B1 ke tempat duduk awam serta bumbung tempat duduk tetamu diraja serta orang kenamaan. Bumbung yang runtuh itu menimpa sebuah kereta Perodua Kancil dan tiga buah motosikal, bagaimanapun tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Minggu lalu, Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, hasil siasatan awal kejadian itu dijangka diketahui tidak lama lagi. Menurut beliau, siasatan masih dijalankan oleh jawatankuasa penyiasatan di peringkat pusat.

## **14 Julai 2009 (Selasa)**

### **RM8 bilion projek bekalan air rakyat siap 2014**

JELEBU 14 Julai - Sebanyak RM8 bilion diperuntukkan bagi menampung kos pelaksanaan projek pembekalan air demi menjamin keperluan air bersih yang mencukupi untuk rakyat sehingga 2020. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, kos tersebut meliputi pelaksanaan 219 projek pembekalan air di seluruh negara yang dijangka siap sepenuhnya menjelang 2014. "Buat masa ini, 40 projek daripada jumlah keseluruhan projek ini telah disiapkan dan ada juga yang sudah di peringkat penyudahan."Pelaksanaan projek-projek ini adalah bagi memastikan keperluan dan penggunaan air bersih rakyat di negara ini yang mencapai 18 juta liter sehari sentiasa mencukupi sehingga 2020," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke tapak Projek Skim Bekalan Air Triang Fasa 1 di sini hari ini. Menurut Fah Kui, keseluruhan kos pelaksanaan projek itu merupakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Mengulas status bekalan air di negara ini, beliau berkata, tiga kawasan telah dikenal pasti mempunyai sumber air yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan penduduk di kawasan terbabit. "Antaranya Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Ini kerana ketiga-tiga kawasan mempunyai permintaan bekalan air yang tinggi berbanding sumbernya.

"Buat masa ini bekalan air tambahan rakyat negeri Selangor diperoleh dari Pahang," ujar beliau. Dalam perkembangan lain, beliau berkata, RM398 juta diperuntukkan bagi menampung kos keseluruhan Projek Skim Bekalan Air Triang yang dilawatinya hari ini. "Projek ini kini pada peringkat 50 peratus siap, kita jangkakan siap sepenuhnya menjelang Ogos tahun depan," katanya.

## **15 Julai 2009 (Rabu)**

### **Kaji pampasan projek kereta api berkembar**

SEREMBAN 15 Julai - Kerajaan negeri akan mengadakan rundingan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk menimbangkan pampasan yang lebih baik kepada penduduk yang terlibat dengan projek kereta api berkembar Seremban-Gemas. Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, ketika ini hampir semua penduduk yang terlibat dengan pengambilan balik tanah kerana projek berkenaan tidak berpuas hati dengan pampasan yang diberikan. "Kita tidak mempersoalkan nilai tanah yang dibuat oleh jurunilai kerajaan tetapi kita mempersoalkan aspek kemanusiaan, di mana jumlah pampasan yang diterima penduduk ada yang tidak membolehkan mereka membeli penempatan baru," ujar beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Sehubungan itu rundingan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan amat perlu supaya bantahan yang dikemukakan oleh penduduk dan disalurkan melalui kerajaan negeri dapat dipanjangkan kepada pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). "Pampasan yang diberikan ini hendaklah mengambil kira kepentingan awam. Jadi saya harap penduduk yang terlibat, khususnya di Rembau bertengang kerana kerajaan tidak berdiam diri sebaliknya akan berunding untuk membantu mereka," ujar beliau.

Mohamad juga menjelaskan dalam Kanun Tanah Negara ada satu frasa menyebut *ex gratia*, yang mana membolehkan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menimbangkan pampasan atas dasar kemanusiaan bagi kepentingan awam. "Inilah yang kita sedang lakukan di mana mengumpulkan semua bantahan yang dibuat oleh penduduk dan diserahkan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk dibawa ke pengetahuan KTMB," kata beliau.

Pada masa yang sama juga, mana-mana penduduk yang tidak mempunyai tanah akibat daripada pengambilan itu, kerajaan negeri akan mencari tapak baru untuk mereka mendirikan rumah. "Kita tahu melalui projek ini, terdapat rumah yang diambil terus dan sebab itulah kerajaan negeri mencari alternatif untuk membantu penduduk," tegas Mohamad.

Beliau juga memberitahu, walaupun tempoh bantahan itu sudah berakhir kerana penduduk menunggu sehingga mengetahui jumlah pampasan, Mohamad merayu kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menimbangkan semula supaya tempoh bantahan dipanjangkan untuk tiga bulan lagi bagi membolehkan tindakan diambil. "Jangankan penduduk, saya sendiri pun tidak tahu berapa jumlah pampasan sehinggalah mereka menerima surat tawaran berkenaan," kata beliau.

Ketika ini kerja-kerja tanah bagi membina laluan kereta api berkembar Seremban-Gemas sedang rancak dijalankan termasuklah melibatkan tanah milik penduduk kampung di daerah Rembau.

## **15 Julai 2009 (Rabu)**

### **Cuepacs tuntut bonus dalam skim perkhidmatan**

KUALA LUMPUR 15 Julai — Cuepacs menuntut supaya elemen bonus digabungkan dalam skim perkhidmatan kakitangan awam bagi memastikan ia dibayar setiap tahun. Pada masa ini, bonus diberi mengikut budi bicara kerajaan berdasarkan kemampuannya tidak seperti sektor swasta yang menjadikannya sebagai amalan tahunan. Pada waktu yang baik, 1.2 juta penjawat awam menikmati bonus sebulan gaji atau minimum RM1,000. Kongres itu juga mencadangkan supaya kadar faedah bagi pinjaman perumahan dikurangkan daripada empat peratus pada kadar sekarang kepada satu peratus setiap tahun.

Perkara itu merupakan antara beberapa cadangan baru kepada kerajaan sebagai sebahagian daripada kajian semula syarat perkhidmatan kepada penjawat awam dalam satu memorandum yang akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, tidak lama lagi. Sumber-sumber CUEPACS memberitahu Bernama hari ini bahawa memorandum itu diluluskan pada mesyuarat majlis kongres di Ipoh baru-baru ini juga akan menuntut perubahan bagi bayaran gantian cuti rehat daripada maksimum 150 hari pada masa ini kepada jumlah sebenar cuti tahun yang tidak digunakan yang dikumpul oleh para pegawai. Gantian cuti rehat adalah bayaran tunai bagi cuti tahun yang tidak digunakan yang dikumpul oleh seseorang pegawai sepanjang perkhidmatannya dengan kerajaan.

Satu lagi perubahan besar yang dituntut CUEPACS adalah berhubung pengiraan pencen. Cuepacs mencadangkan supaya formula pencen yang ada sekarang dibuat berdasarkan gaji pokok terakhir ditukar bagi memasukkan juga semua elaun. Ini bermakna apabila pengiraan pencen dibuat, semua elaun perumahan, kos hidup, makanan, perjalanan, pemandu, kesusahan dan keraian juga perlu dimasukkan kepada gaji pokok terakhir.

CUEPACS juga menuntut satu faedah baru dalam bentuk cuti tahun bagi menjaga anak yang sakit dengan tempohnya bergantung kepada tempoh keuzuran itu. Satu lagi faedah baru yang diminta ialah bayaran balik bagi implan gigi dan rawatan mata. Mengenai pelbagai skim perkhidmatan, Cuepacs menuntut supaya sistem kenaikan matriks digantikan dengan sistem linear dengan tambahan lima kenaikan.

Cuepacs juga mahu skim sub-profesional diwujudkan bagi pemegang diploma. Sumber-sumber itu berkata para pemimpin Cuepacs begitu optimis bahawa kerajaan akan mempertimbang cadangan mereka dengan fikiran terbuka. "Kami sedar bahawa cadangan itu, yang jika diterima keseluruhannya, akan meningkatkan kos pentadbiran kerajaan dengan begitu besar tetapi apa yang kami harapkan ialah permintaan kami itu akan dipenuhi secara berperingkat," kata mereka.

## **16 Julai 2009 (Khamis)**

### **RM452 juta belum dijelaskan**

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI rafie.azimi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 16 Julai - Sebanyak 77.55 peratus daripada sejumlah 75,600 peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) masih gagal menjelaskan hutang mereka berjumlah kira-kira RM452 juta. Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam berkata, sehingga kini hanya 22.45 peratus atau RM130.89 juta telah dikutip daripada RM583.12 juta pinjaman yang diluluskan sejak 2001. Katanya, tunggakan itu adalah sesuatu yang menyediakan kerana PTPK bergantung pada pembayaran semula peminjam selain menerima bantuan kerajaan untuk terus menyalurkan pinjaman baru.

"PTPK semakin terhimpit untuk memberi pinjaman baru kepada para pelatih sekali gus merencatkan hasrat kerajaan mahu melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir. "Justeru, Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) yang berdaftar dengan PTPK disaran menubuhkan sebuah unit khas yang bukan sahaja membantu pelajar mendapatkan pinjaman malah turut mendapatkan pembayaran semula daripada mereka," katanya

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Perkhidmatan MySMS dan e-Bayar melalui CIMB Bank dan Pos Malaysia di Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Persiaran Bukit Kiara di sini hari ini. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk R. Segarajah dan Ketua Eksekutif PTPK, Ali Badaruddin Abd. Kadir. Mengulas tentang sistem perkhidmatan yang dilancarkan itu, katanya, ia diharap bakal merancakkan pengutipan semula hutang peminjam yang tertunggak.

Perkhidmatan itu membolehkan para peminjam membuat pembayaran serta menyemak status masing-masing dengan hanya melayari laman web [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) ke nombor 15888. Berkenaan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing yang akan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin esok, beliau memberitahu, isu kebergantungan terhadap pekerja asing merupakan antara perkara yang akan dibincang. "Keduanya, kami akan menjurus pada isu kebijakan mereka sepanjang bekerja di sini," jelasnya.

## **17 Julai 2009 (Jumaat)**

### **MIDA lulus pelaburan RM9b**

DUBAI 17 Julai - Pelaburan asing dan domestik bernilai AS\$2.57 bilion (RM9.07 bilion) telah diluluskan semasa tempoh Januari hingga Mei 2009, kata Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Datuk Jalilah Baba. Beliau berkata, sebanyak 28 projek pembuatan dari negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dengan pelaburan bernilai AS\$1.22 bilion (RM4.31 bilion) diluluskan pada Mei tahun ini. Projek itu kebanyakannya dalam sektor produk logam asas, pembuatan makanan, kayu dan produk kayu, kimia dan produk kimia, produk petroleum serta mesin dan kelengkapan, katanya.

"Malaysia terus menarik pelaburan besar dalam sektor pembuatan meskipun persaingan sengit global," katanya pada majlis pembukaan rasmi pejabat MIDA di sini semalam. Beliau berkata, pada 2008, pelaburan dilulus berjumlah sehingga AS\$17.6 bilion (RM62.13 bilion) dan jumlah pelaburan asing sebanyak AS\$12.9 bilion (RM45.54). Jalilah berkata, banyak syarikat terkemuka GCC daripada sektor kewangan telah menubuhkan operasi di Malaysia termasuk Al-Rajhi Bank, Kuwait Finance House dan Qatar Islamic Bank.

GCC dianggotai Bahrain, Oman, Kuwait, Qatar, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu. Menurutnya, Malaysia juga kini menjadi destinasi popular bagi syarikat asing dalam projek

berkaitan minyak dan gas. Beliau berkata, Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.6 ekonomi peratus pada 2008 di tengah-tengah pergolakan kewangan antarabangsa dan kemerosotan persekitaran ekonomi global. Pertumbuhan kukuh Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2008 dipacu terutamanya daripada pengembangan pesat sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan, katanya.

Jalilah berkata, kekuatan ekonomi Malaysia sejak lima dekad lepas berpunca bukan sahaja daripada kestabilan politiknya tetapi juga daripada asas ekonomi yang kukuh. "Malaysia mempunyai asas eksport yang pelbagai mencakupi industri berasaskan sumber dan bukan sumber, termasuk minyak dan gas. "Negara merupakan lokasi yang kompetitif dari segi kos yang menawarkan pelbagai peluang perniagaan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan". Beliau berkata, faktor penting lain adalah Malaysia mempunyai kerajaan yang mesra perniagaan dan pelabur. - BERNAMA

## **18 Julai 2009 (Sabtu)**

### **Tiada permit baru teroka hutan Perlis**

KANGAR 18 Julai - Kerajaan negeri Perlis tidak akan mengeluarkan permit baru bagi pembukaan dan penerokaan kawasan baru hutan simpan kekal di negeri ini termasuk untuk dijadikan kawasan dusun. Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu berkata, sehingga kini, kerajaan negeri telah mengeluarkan sebanyak 1,175 permit bagi hutan simpanan kekal iaitu 454 permit penggunaan (dusun) dan 721 permit masuk ke hutan simpanan kekal bagi mereka yang tidak mempunyai permit kepenggunaan. Katanya, melalui permit yang dikeluarkan itu, diharap pengguna dapat bekerjasama bagi menjaga kawasan hutan simpanan kekal daripada dimusnahkan, ditebang atau diceroboh secara haram. "Permit kepenggunaan hanya diluluskan untuk dusun lama dan pihak kerajaan melarang apa sahaja jenis pembukaan, penerokaan dan pencerobohan kawasan baru di dalam hutan simpanan kekal termasuk untuk dijadikan dusun. "Pada masa yang sama, diharap para pengusaha dusun perlu menjadi mata dan telinga pihak kerajaan negeri dan sentiasa melaporkan apa sahaja kesalahan dengan kadar segera kepada Jabatan Perhutanan," katanya.

Beliau berucap merasmikan Fiesta Buah-Buahan Tempatan di pekarangan Calet Bukit Ayer di sini semalam. Pada majlis itu, beliau turut mengedarkan 23,500 pokok karas kepada pengusaha dusun untuk ditanam di dusun masing-masing. Md. Isa memberitahu, tahun lalu, sebanyak 11 kes kesalahan hutan melibatkan pelbagai kesalahan dikesan Jabatan Perhutanan Hutan Negeri. "Keluasan hutan simpanan kekal negeri hanya 10,625.25 hektar atau bersamaan 13.23 peratus daripada keluasan negeri Perlis. Oleh itu, pihak kerajaan negeri dalam usaha meningkatkan jumlah keluasan kawasan hutan simpanan kekal. "Umum mengetahui fungsi hutan bukan sahaja sebagai sumber kayu tetapi juga sebagai kawasan tahanan air, habitat hidupan liar, kestabilan alam sekitar dan pelancongan," ujarnya.

**20 Julai 2009 (Isnin)**

### **Pelabuhan LKIM RM43.8 juta**

ALOR SETAR 20 Julai - Pelabuhan baru Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kampung Kelonchor, Kuala Kedah, di sini yang bernilai RM43.8 juta akan beroperasi sepenuhnya pada penghujung tahun ini. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Mokhtar Ismail berkata, pelabuhan baru itu akan menyediakan pusat pendaratan ikan yang lebih selesa kepada para nelayan.

"Pelabuhan lama LKIM Kuala Kedah hanya boleh menampung 100 buah bot nelayan pada satu masa dan mendaratkan 400 metrik tan ikan dalam sebulan. "Pelabuhan baru ini boleh menampung 800 buah bot nelayan dan 1,200 metrik tan ikan dapat didaraskan dalam tempoh sebulan," katanya selepas mengadakan lawatan ke pelabuhan baru Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini semalam.

Menurutnya, pelabuhan itu mula beroperasi secara berperingkat sejak Mei lalu. "Di situ kemudahan seperti bilik sejuk, kren untuk mengangkut ikan telah disediakan. "Pelabuhan ini akan memudahkan nelayan untuk mendaratkan ikan dan menjualnya kepada pengguna," katanya.

Jelasnya, pelabuhan baru LKIM yang didirikan di atas tanah seluas kira-kira 14 hektar itu dibina bagi menggantikan jeti Kuala Kedah yang dianggap tidak lagi sesuai pada masa ini. "Permintaan hasil ikan adalah tinggi dan pelabuhan ini yang lebih moden dapat memaksimumkan pendaratan ikan untuk dijual kepada pengguna," jelasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Mokhtar memberitahu, golongan nelayan digalakkan untuk menyertai persatuan nelayan di kawasan masing-masing untuk meningkatkan pendapatan mereka. "Hanya dengan menyertai persatuan mereka boleh bergiat dalam bidang perniagaan dan memajukan diri. "Dengan ini mereka boleh mempelbagaikan sumber pendapatan dan tidak terlalu bergantung pada hasil laut semata-mata," katanya.

**21 Julai 2009 (Selasa)**

### **Contohi projek pembangunan Iskandar Malaysia - PAC**

NUSAJAYA 21 Julai - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berpendapat bahawa projek pembangunan di Iskandar Malaysia perlu menjadi model contoh kepada projek pembangunan lain di negara ini pada masa akan datang. Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, ini memandangkan projek pembangunan di kawasan koridor ekonomi di selatan negeri ini adalah berkualiti tinggi dan memenuhi piawaian.

Beliau berkata, cara pelaksanaan projek pembangunan di Iskandar Malaysia melibatkan kepakaran kakitangan yang berpengalaman dan profesional selain mengambil kira aspek pemasaran dan kajian mendalam.

"Kerja-kerja pembangunan di sini yang dilaksanakan oleh beberapa agensi sama ada di bawah Khazanah Nasional Bhd. atau syarikat rakan kongsinya adalah telus. "Kaedah pengagihan kontrak dan cara pembelian juga dijalankan dengan lebih telus daripada agensi kerajaan yang lain. Justeru, PAC berharap pelaksanaannya dapat diteruskan untuk dicontohi oleh agensi kerajaan lain," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas lawatan ke Iskandar Malaysia bersama enam ahli PAC termasuk Timbalan Pengerusinya, Dr. Tan Seng Giaw di sini semalam. Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) ialah sebuah badan berkanun yang dipertanggungjawabkan membangunkan Iskandar Malaysia untuk menjadi sebuah wilayah metropolis bertaraf antarabangsa.

Azmi berkata, contoh lain di Iskandar Malaysia yang wajar dipuji ialah perhatian khusus oleh pihak terlibat terhadap pekerja asing menerusi pembinaan sebuah kompleks untuk golongan itu. Jelasnya, kompleks yang boleh menampung seramai 5,000 pekerja asing itu dikendalikan secara profesional dengan menggunakan sistem teknologi tinggi bagi memantau keluar masuk pekerja.

"Pembinaan kompleks khas sebegini sudah lama dilaksanakan di Singapura dan Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan ia merupakan model yang wajar dilihat oleh Kementerian Dalam Negeri untuk dilaksanakan di seluruh negara. "Ini kerana banyak rungutan diterima daripada masyarakat tempatan apabila pekerja asing ditempatkan terlalu dekat dengan kediaman mereka hingga menimbul rasa kurang senang dan tidak selesa," katanya.

Azmi turut memuji kaedah pemberian kontrak sama ada kecil dan besar yang membabitkan 80 peratus kontraktor tempatan di Iskandar Malaysia. Katanya, kaedah itu penting kerana ia dapat menyumbang kesan besar dan positif kepada masyarakat tempatan menerusi kewujudan kedai-kedai kecil. "Ini merupakan sumber yang mampu menjana ekonomi untuk dilaksanakan oleh masyarakat tempatan," ujarnya.